

Penilaian Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Dalam Aspek Kerelevanan Pelaksanaan Matlamat Dan Objektif Penubuhan Kolej Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Selangor (KITIS)

Zetty Nurzuliana Rashed
zetty@kuis.edu.my

Suhana Mohamed Lip
suhana@kuis.edu.my

Mohd Faez Ilias
faez@kuis.edu.my

Nazirah Hamdan
nazirahhamdan@kuis.edu.my

Mohammad Ehsan Ahmad Sokri
ehsan@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini ingin bertujuan untuk membuat penilaian terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran di Kolej Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Selangor (KITIS). Penilaian dalam kertas kerja ini memfokuskan kepada pelaksanaan pengajaran dalam penilaian konteks yang mempunyai elemen dalam aspek kerelevanan pelaksanaan matlamat dan objektif penubuhan KITIS. Kajian ini menggunakan rekabentuk kaedah tinjauan yang mana menggunakan soal selidik manakala dalam aspek analisis data pula data-data yang diperolehi melalui kajian ini dianalisis dengan menggunakan program PASW (Version 25.0). Dapatan kajian yang diperolehi adalah pada konstruk pertama berkaitan visi, misi, dan matlamat penubuhan KITIS dengan purata skor min adalah $\text{min}=4.12$ iaitu pada tahap interpretasi tinggi. Min bagi item yang paling tinggi VM4 iaitu "KITIS melahirkan pelajar yang sentiasa mengamalkan ajaran Islam dengan berpandukan Al-Quran dan Al-Sunnah" dengan 13 (65%) orang responden setuju, enam (30%) orang responden sangat bersetuju, manakala seorang responden kurang bersetuju. Keseluruhan item tersebut menunjukkan nilai keseluruhan $\text{min}=4.25$ dan $\text{sp}=0.55$. Manakala item-item di bawah konstruk struktur tadbir urus di KITIS. Keseluruhan min bagi item konstruk ini mencatatkan $\text{min}=3.92$ pada tahap interpretasi sederhana tinggi. Item paling tinggi iaitu STU7 "Guru bersedia dengan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru di KITIS". Seramai sebelas (55%) orang responden setuju, lapan (40%) orang responden sangat setuju, manakala seorang (5%) orang responden kurang setuju. Keseluruhan item STU7 mencatatkan $\text{min}=4.35$ dan $\text{sp}=0.58$ dengan interpretasi pada tahap tinggi. Dicadangkan pelan strategik jangka panjang dan jangka pendek perlu diwujudkan segera bagi memastikan *perancangan Key Performance Indicator (KPI)*, pelan tindakan, bajet dan sistem tadbir urus dapat diselaraskan mengikut keperluan visi, misi dan objektif penubuhan. Sistem jaminan kualiti untuk akademik dan pentadbiran perlu diwujudkan

dan diselaraskan supaya dapat menjamin mutu kualiti dan prestasi pencapaian pelajar dari masa ke semasa.

Kata kunci : Penilaian, pengajaran, matlamat, KITTIS

An Evaluation Towards Teaching Implementation In The Aspect Of Aims And Objectives Relevancy Of KITTIS Establishment

ABSTRACT

This research aimed to evaluate teaching and learning system in Kolej Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuan Selangor (KITTIS). The evaluation mainly focused on teaching implementation in evaluation context which can be considered as a relevant aspect to the implementation of the goals and objectives of KITTIS establishment. This research employed a survey method by using a set of questionnaire in collecting data and PASW programme (version 21.0) was used to analyse the findings. The research outcome on the first construct related to vision, mission and goals of KITTIS establishment was interpreted as high with an average mean score of mean= 4.12. The highest mean was for item VM4 which stated that "KITTIS produces students who practice Islamic teachings based on Al-Quran dan Al-Sunnah" with 13 (65%) respondents agreed, six (30%) respondents highly agreed, while only one respondent disagreed. The overall items showed the total mean score of mean=4.25 and sp=0.55. While items under the construct of KITTIS management showed an average mean score interpretation of medium high with an overall mean score of mean=3.92. The highest mean score was for item STU7 which stated "Teachers are ready for the task and responsibility as a teacher in KITTIS". A total of eleven (55%) respondents agreed, eight (40%) respondents highly agreed, while one (5%) respondent moderately disagreed. The overall item for STU7 scored a high mean interpretation with mean =4.35 and sp=0.58. Based on the findings from this research, a long term and a short term strategic plan is recommended to ensure the planning of *Key Performance Indicator* (KPI), action plan, budget and management system can be standardized according to KITTIS vision, mission and objectives. A quality assurance system for academic and administration should be initiated and standardized in order to ensure the quality and students' performance are achieved continuously.

Keywords: Evaluation, teaching and learning

Received: 29 May 2020

Accepted: 1 June 2020

Online Published: 4 June 2020

PENDAHULUAN

Perkembangan pendidikan tahfiz di Malaysia menunjukkan trend yang sangat pesat dengan pertambahan signifikan bilangan sekolah tahfiz swasta dan sekolah tahfiz rakyat dari hari ke hari (Aznil Hashim & Misnan Jemali 2015). Kedudukan sekolah tahfiz sama ada dalam atau di luar arus perdana merupakan satu keperluan dan sewajarnya inisiatif penubuhan dilihat sebagai melengkapi sistem pendidikan negara. Seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan yang telah mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji sistem pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan negara pada 2019, kajian penilaian kepada sistem

pendidikan tahfiz juga merupakan satu langkah yang inovatif bagi memastikan kecemerlangan berterusan pusat tahfiz dalam negara.

Oleh yang demikian, kajian ini ingin bertujuan untuk membuat penilaian terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran di Kolej Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuan Selangor (KITTIS). Tujuan penilaian kualiti ini adalah untuk menyemak dan membuat penilaian prestasi pengajaran dan pembelajaran sedia ada serta mengenalpasti kelemahan yang ada dalam sistem pengurusan sekolah dan kaedah pengajaran supaya dapat memastikan prestasi KITTIS dari segi pencapaian sekolah, guru-guru dan semua kakitangan sentiasa berada pada tahap yang baik.

Bagi melahirkan pelajar yang berkemahiran dalam pelbagai bidang, corak pendidikan pada masa kini perlu dititik beratkan. Ini merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dan bagaimana seseorang pelajar itu dinilai dari pelbagai aspek. Perkara-perkara tersebut amat penting kerana ia memberi impak yang besar terhadap pemikiran para pelajar. Dalam bidang pendidikan di negara kita, selalunya ianya mengaplikasikan strategi pengajaran yang berpusatkan guru ataupun yang berpusatkan pelajar. Strategi ini perlu disesuaikan dengan persekitaran dan situasi pengajaran. Demikian juga dengan corak penilaian yang dilakukan ke atas prestasi pelajar (Norsyuhadah Maskan 2013).

PERNYATAAN MASALAH

Kecemerlangan pendidikan menjadi kunci utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Faktor ini juga yang menyebabkan kerajaan memperuntukkan sejumlah bajet yang besar bagi memastikan pendidikan di Malaysia cemerlang dari segi akses, ekuiti dan kualiti (PPPM, 2012). Melalui transformasi ini, kerajaan tidak hanya menumpukan kepada pembangunan fizikal malah lebih fokus kepada konten dan pendekatan dalam kecemerlangan pendidikan.

Medium yang sesuai bagi mencapai kecemerlangan akademik berdasarkan pelan transformasi kerajaan ini adalah melalui visi, misi, dan matlamat sekolah yang telah ditetapkan. Visi, misi, dan matlamat sekolah yang menjadi dasar dalam pelaksanaan sesebuah institusi pendidikan mampu untuk menambahbaik kualiti dan pencapaian dengan lebih meluas (Sidhu, J., 2003; Fullan, M., 2010; Brayson, J.S., 2011). Pernyataan visi, misi, dan matlamat sekolah yang jelas diterjemahkan mampu untuk membantu pentadbir memandu semua guru di sekolah mencapai apa yang telah dirancangkan (Boerema, A. J., 2006).

Namun begitu, tidak semua pernyataan visi, misi dan matlamat di setiap sekolah mampu untuk dilaksanakan. Walaupun visi, misi dan matlamat ini telah diberi penerangan namun terdapat segelintir guru yang masih tidak mampu memahami pernyataan tersebut untuk diaplilasikan dalam pekerjaan mereka (Watkins, S. G., & McCaw, D. S., 2007). Perkara ini memberi implikasi yang tinggi terhadap pencapaian akademik sekolah kerana mengganggu proses yang telah dirancang.

Kesan ketara akan berlaku apabila visi, misi dan matlamat sekolah tidak dilaksanakan adalah terhadap pencapaian akademik sekolah dan pelajar. Hal ini disebabkan kurangnya kebersamaan dalam melaksanakan pernyataan visi, misi, dan objektif oleh

guru di sekolah (Adelman, H., & Taylor, L., 2007; Bovalino, J. W., 2007; Stemler et al. 2011). Berkemungkinan faktor ini berlaku disebabkan oleh guru di sekolah tidak mendapat bimbingan yang jelas tentang proses transformasi pernyataan visi, misi, dan objektif kepada pelaksanaan dalam pekerjaan (Carr, D. K., et. al., 1996).

Apabila tiada kesatuan dan kebersamaan dalam kalangan pelaksana visi, misi dan objektif sekolah maka akan timbul ketidakpuasan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Carr, D. K., et. al., 1996). Masalah ini turut memberi kesan jangka masa yang panjang kerana guru sebagai watak utama dalam mencorak kecemerlangan akademik pelajar dan sekolah.

Berdasarkan latar belakang masalah yang menjadi isu dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran, adalah perlu dilakukan kajian dalam bidang ini bagi mengenalpasti setiap isu dapat dikurangkan atau diselesaikan. Ini kerana isu-isu ini akan menjejaskan kualiti pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengurusan pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya meningkatkan prestasi cemerlang sekolah. Para pentadbir sekolah perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi dalam merancang, menyusun, memimpin dan mengawal pengajaran dan pembelajaran guru. Oleh itu penekanan kajian ini adalah ke atas perkara-perkara asas yang perlu dilakukan dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran oleh pengetua sebagai pentadbir, ketua dan pemimpin di sekolah dalam menyelesaikan permasalahan dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

OBJEKTIF KAJIAN

Menilai pelaksanaan pengajaran dalam penilaian konteks yang mempunyai elemen dalam aspek kerelevanan pelaksanaan matlamat dan objektif penubuhan KITTIS. Sehubungan itu, penyelidik menjadikan model penilaian KIPP (Stufflebeam, 1986) yang merangkumi Konteks, Input, Proses, dan Produk sebagai kerangka teori agar selaras dengan objektif kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah satu tatacara pengolahan dan pengutipan data berdasarkan perancangan yang dilakukan secara khusus dan sistematik dalam membentuk hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian (Ary et al. 2000). Ia juga merujuk bagaimana penyelidik menjalankan sesuatu kajian, prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Kajian ini berbentuk deskriptif lapangan, menggunakan soal selidik dan dengan menentukan tatacara pemilihan subjek, mengumpul dan menganalisa data kajian.

Penyelidik juga mengadakan perbincangan dengan pengetua di KITTIS menerangkan tujuan, objektif dan kepentingan kajian ini dijalankan. Setelah mendapat kebenaran, penyelidik mengumpulkan guru-guru yang menjadi responden kajian di satu tempat untuk menjawab borang soal selidik. Proses pengumpulan data melalui borang selidik dilakukan oleh penyelidik sendiri. Pihak penyelidik menerangkan tujuan kajian dijalankan dan mengedarkan sendiri borang soal selidik kepada responden kajian. Setelah tamat, penyelidik mengumpulkan sendiri borang soal selidik tersebut untuk

diserahkan bagi tujuan kemasukan dan penganalisaan data. Di samping itu penyelidik juga melaksanakan sesi temu bual bersama beberapa orang guru dan murid sebagai data sokongan bagi memperkayakan lagi data utama dari soal selidik guru.

Bagi aspek analisis data pula data-data yang diperolehi melalui kajian ini dianalisis dengan menggunakan program PASW (Version 25.0). Data-data daripada borang soal selidik dan pemerhatian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratus dan frekuensi, terutama yang berkaitan dengan latar belakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item atau pemboleh-pembolehubah kajian. Bagi semua pernyataan negatif, penyelidik telah mengkodkan semula data kepada skor positif bagi mendapatkan keputusan sebenar. Pada tahap ini, analisis data kajian akan digunakan dengan menggunakan perisian SPSS bagi analisis kuantitatif secara deskriptif. Analisis deskriptif merupakan teknik penghuraian data secara menyeluruh yang bertujuan untuk memberi gambaran awal tentang profil responden berdasarkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Dalam kajian ini analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis soal selidik.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan dapatan berkaitan dengan visi, misi, dan matlamat penubuhan KITTIS. Selaras dengan model CIPP yang menjadi dasar kajian, dapatan bagi konstruk pertama iaitu konteks adalah bertujuan menilai sejauh mana pandangan responden terhadap visi, misi, dan matlamat penubuhan KITTIS.

Dalam Jadual 1 terdapat tujuh item yang menjelaskan konstruk tersebut dengan purata skor min adalah min=4.12 iaitu pada tahap interpretasi tinggi. Dapatan ini selaras dengan pendapat yang dikemukakan oleh Hamid Hasan (2009) iaitu tujuan utama penilaian konteks adalah untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan yang dimiliki oleh penilai. Selain itu, penilaian terhadap kurikulum merupakan proses pengumpulan maklumat dalam menilai tahap keberkesanan sesuatu kurikulum bagi membuat satu keputusan sama ada penerusan atau penambakan atau perubahan kurikulum (Muhd Zuhilmi Haron et.all, 2019)

Min bagi item yang paling tinggi VM4 iaitu "KITTIS melahirkan pelajar yang sentiasa mengamalkan ajaran Islam dengan berpandukan Al-Quran dan Al-Sunnah" dengan 13 (65%) orang responden setuju, enam (30%) orang responden sangat bersetuju, manakala seorang responden kurang bersetuju. Keseluruhan item tersebut menunjukkan nilai keseluruhan min=4.25 dan sp=0.55. Berdasarkan kerangka kajian, dapatan ini adalah berhubung dengan produk yang menunjukkan sejauhmana perubahan sikap dan akhlak pelajar yang lebih baik. Menurut Ornstein & Hunkins (1998) penilaian produk ialah bentuk penilaian yang dibuat terhadap prestasi pencapaian sesuatu program. Justeru, dapatan ini bersesuaian dengan kajian Zaidu et al (2018) yang menyatakan individu Muslim perlu menjadikan ibadat sebagai amalan dan pegangan kehidupan, meletakkan syariah sebagai peraturan, menjadikan akhlak mulia sebagai pegangan hidup serta menjauhi perbuatan, sepertisyirik yang ditegah oleh Allah s.w.t. Sistem Islam yang syumul itu sendiri telah menjanjikan kesesuaiannya dengan fitrah kemanusiaan dalam semua aspek kehidupan.

Jadual 1: Visi, Misi dan Matlamat Penubuhan KITTIS

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	S.P	Interprestasi
VM 1	KITTIS melahirkan pelajar yang boleh membaca Al-Quran dengan cara yang betul.	0 0.0 %	0 0.0 %	3 15.0 %	12 60.0 %	5 25.0 %	4.1 0	0.6 4	Tinggi
VM 2	KITTIS berjaya melahirkan huffaz yang menghafal Al-Quran.	0 0.0 %	0 0.0 %	3 15.0%	11 55.0%	6 30.0 %	4.1 5	0.6 7	Tinggi
VM 3	KITTIS sentiasa mengutamakan kepentingan menuntut dan menyampaikan ilmu berpandukan Al-Quran dan Al-Sunnah.	0 0.0 %	0 0.0 %	3 15.0%	10 50.0%	7 35.0 %	4.2 0	0.6 9	Tinggi
VM 4	KITTIS melahirkan pelajar yang sentiasa mengamalkan ajaran Islam dengan berpandukan Al-Quran dan Al-Sunnah.	0 0.0 %	0 0.0 %	1 5.0%	13 65.0%	6 30.0 %	4.2 5	0.55	Tinggi
VM 5	KITTIS menghasilkan huffaz dan pelajar yang berdaya saing di peringkat nasional.	0 0.0 %	0 0.0 %	4 20.0%	11 55.0%	5 25.0 %	4.0 5	0.68	Tinggi
VM 6	KITTIS melahirkan generasi muda yang dapat menghayati agama Islam dalam kehidupan seharian.	0 0.0 %	0 0.0 %	5 25.0%	8 40.0%	7 35.0 %	4.1 0	0.78	Tinggi
VM 7	KITTIS melatih pelajar supaya berbakti pada agama, ibu bapa dan	0 0.0 %	0 0.0 %	6 30.0%	7 35.0%	7 35.0 %	4.0 5	0.82	Tinggi

	masyarakat.								
	Purata Skor Min							4.12	Tinggi

Sumber: *Kajian Lapangan, 2019*

Item kedua tertinggi ialah VM3 iaitu "KITTIS sentiasa mengutamakan kepentingan menuntut dan menyampaikan ilmu berpandukan Al-Quran dan Al-Sunnah". Seramai 10 (50%) orang responden setuju, tujuh (35%) orang responden sangat setuju. Manakala tiga (15%) orang responden kurang bersetuju dengan item tersebut. Keseluruhan min bagi item tersebut ialah $m=4.20$ dengan $sp=0.69$. Dapatan ini selari dengan kajian Juwairiah Hassan (2018) yang menyatakan para ulama juga juga membahaskan mengenai ganjaran pahala yang ditetapkan oleh Allah S.W.T bagi orang yang mendengar bacaan al-Quran dan melazimi mengulangnya serta beramal dengannya (al-Qurtubi 2002; al-Nawawi 2005 dan Farjani 1978). Selain itu, disarankan juga supaya memuliakan para ahli al-Quran kerana mereka memelihara kalamullah (al-Qur'awi1994) dan larangan dari menyakiti mereka (al-Nawawi 2005). Oleh yang demikian, struktur kurikulum perlu sentiasa dikemaskini dan diselarikan sejajar dengan matlamat dan polisi institusi.

Item VM2 merupakan item yang memperolehi min sederhana tinggi dalam keseluruhan item konstruk ini. Item VM2 iaitu "KITTIS berjaya melahirkan huffaz yang menghafal Al-Quran" mencatatkan $min=4.15$ dan $sp=0.67$. Seramai 11 (55%) orang responden setuju, enam (30%) orang responden sangat setuju, dan tiga (15%) orang responden kurang setuju item VM2.

Item yang paling rendah daripada keseluruhan item dalam konstruk visi, misi, dan matlamat penubuhan KITTIS ialah VM5 dan VM7. Item VM5 iaitu "KITTIS menghasilkan huffaz dan pelajar yang berdaya saing di peringkat nasional". Seramai 11 (55%) orang responden setuju, lima (25%) orang responden sangat setuju manakala empat (20%) orang responden kurang bersetuju. Keseluruhan min item VM5 ialah $min=4.05$ dengan $sp=0.68$. Item kedua min paling rendah, VM7 iaitu "KITTIS melatih pelajar supaya berbakti pada agama, ibu bapa dan masyarakat". Item ini mencatatkan seramai tujuh (35%) orang responden setuju, tujuh (35%) orang sangat setuju, dan enam (30%) orang responden kurang setuju dengan catatan $min=4.05$ dan $sp=0.82$.

Selanjutnya, Jadual 2 menghuraikan item-item di bawah konstruk struktur tadbir urus di KITTIS dapat dikaitkan dengan penilaian input berdasarkan kepada model CIPP. Menurut Razali Arof (1991) ia memberi tumpuan kepada sumber yang terlibat dalam membantu pencapaian objektif dan matlamat program. Justeru, penilaian input merupakan maklumat tentang sumber manusia dan sumber fizikal. Penilaian input penting bagi memastikan program berjalan dengan lancar dan berkesan. Keseluruhan min bagi item konstruk ini mencatatkan $min=3.92$ pada tahap interpretasi sederhana tinggi. Item paling tinggi iaitu STU7 "Guru bersedia dengan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru di KITTIS". Seramai sebelas (55%) orang responden setuju, lapan (40%) orang responden sangat setuju, manakala seorang (5%) orang responden kurang setuju. Keseluruhan item STU7 mencatatkan $min=4.35$ dan $sp=0.58$ dengan interpretasi pada tahap tinggi.

Keseluruhan dapatan kajian bagi aspek visi, misi dan matlamat penubuhan KITTIS menunjukkan pencapaian min pada tahap tinggi, namun begitu langkah penambahbaikan masih perlu diambil bagi memastikan kualiti pendidikan serta

kelangsungan kecemerlangan KITTIS pada masa kan datang. Dapatan kajian bagi matlamat seperti melahirkan huffaz yang berdaya saing, menghayati nilai Islam dalam kehidupan seharian dan melahirkan pelajar berbakti kepada ibu bapa, masyarakat dan negara perlu diberi perhatian dan penekanan. Ini adalah dengan memastikan matlamat dan hasil pembelajaran pelajar adalah selari dengan kurikulum yang ditawarkan dengan membuat pemurnian kurikulum dan aktiviti pelajar secara berkala sejajar dengan keperluan visi, misi dan matlamat KITTIS.

Jadual 2: Struktur Tadbir Urus KITTIS

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	S.P	Interpretasi
STU1	KITTIS mempunyai bilangan guru yang mencukupi.	0 0.0 %	5 25.0 %	5 25.0 %	10 50.0 %	0 0.0%	3.2 5	0.8 5	Sederhana Tinggi
STU2	KITTIS mempunyai guru yang berkelayakkan mengajar kurikulum yang diperlukan.	0 0.0 %	1 5.0%	8 40.0%	8 40.0%	3 15.0 %	3.6 5	0.8 1	Sederhana Tinggi
STU3	Guru memahami Falsafah Pendidikan Islam, Amalan konsep <i>Ubudiyah</i> , <i>Mas'iyah</i> , dan <i>Itqan</i> (UMI) dalam Pendidikan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta Teras Perkhidmatan dan Tatasusila Profesion Perguruan Malaysia.	0 0.0 %	1 5.0%	5 25.0%	10 50.0%	4 20.0 %	3.8 5	0.8 1	Sederhana Tinggi
STU4	Guru memahami visi dan misi KITTIS	0 0.0 %	0 0.0%	5 25.0%	9 45.0%	6 30.0 %	4.0 5	0.75	Tinggi
STU5	Guru memahami tanggungjawab mereka sebagai seorang murabbi.	0 0.0 %	0 0.0%	4 20.0%	8 40.0%	8 40.0 %	4.2 0	0.76	Tinggi

STU6	Guru memahami semua peraturan yang terpakai di KITTIS	0 0.0 %	1 5.0%	2 10.0%	10 50.0%	7 35.0 %	4.1 5	0.81	Tinggi
STU7	Guru bersedia dengan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang guru di KITTIS	0 0.0 %	0 0.0%	1 5.0%	11 55.0%	8 40.0 %	4.3 5	0.58	Tinggi
Purata Skor Min								3.92	Sederhana Tinggi

Sumber: Kajian Lapangan, 2019

Manakala item kedua tertinggi ialah STU5 iaitu "Guru memahami tanggungjawab mereka sebagai seorang murabbi". Item ini mencatatkan seramai lapan (40%) orang responden setuju dan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala seramai empat (20%) orang responden kurang setuju dengan menjadikan keseluruhan min=4.20 dan sp=0.76 dengan interpretasi data pada tahap tinggi.

Nilai item min sederhana tinggi ialah STU3 iaitu "Guru memahami Falsafah Pendidikan Islam, Amalan konsep *Ubudiyah*, *Mas'liyah*, dan *Itqan* (UMI) dalam Pendidikan, Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta Teras Perkhidmatan dan Tatasusila Profesion Perguruan Malaysia" dengan nilai min=3.85 dan sp=0.81 dengan nilai interpretasi pada tahap sederhana tinggi. Seramai 10 (50%) orang responden setuju dan empat (20%) orang responden sangat setuju. Manakala lima (25%) orang responden kurang setuju dan seorang (5%) tidak setuju dengan pernyataan pada item tersebut.

Item yang paling rendah pula ialah STU1 iaitu "KITTIS mempunyai bilangan guru yang mencukupi". Item ini mencatatkan seramai 10 (50%) orang responden setuju manakala lima (25%) orang responden kurang setuju tidak setuju. Min keseluruhan menunjukkan min=3.25 dan sp=0.85 dengan tahap interpretasi sederhana tinggi.

KESIMPULAN

Pelan strategik jangka panjang dan jangka pendek perlu diwujudkan segera bagi memastikan perancangan *Key Performance Indicator* (KPI), pelan tindakan, bajet dan sistem tadbir urus dapat diselaraskan mengikut keperluan visi, misi dan objektif penubuhan. Sistem jaminan kualiti untuk akademik dan pentadbiran perlu diwujudkan dan diselaraskan supaya dapat menjamin mutu kualiti dan prestasi pencapaian pelajar dari masa ke semasa. Satu sesi pembentangan pelan strategik akan dibentangkan setiap kali tamat semester persekolahan bagi melihat kekuatan dan kelemahan sedia ada. Peranan pengetua adalah perlu dalam aspek aspek perancangan, pengelolaan, penjadualan dan penyelarasan. Pengetua sebagai pemimpin pendidikan. Dalam hal ini pengetua memainkan peranan sebagai *clinical practioner*, iaitu menyumbang kepakaran dalam bidang pendidikan dan persekolahan. Pengetua juga perlu mahir dalam bidang kurikulum, diagnosis keperluan pelajar, penilaian dan penyeliaan atau pencerapan yang berkesan.

RUJUKAN

- Abi 'Abdullah Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari al-Qurtubi. (1423/2002). *Al-Jamic Li Ahkam al-Qur'an*. Muhammad Ibrahim al-Hanafi, Mahmud Hamid 'Uthmani. Al-Juz al-Ula. Dar al-Hadith: al-Qaherah.
- Adelman, H., & Taylor, L. (2007). Systemic change for school improvement. *Journal of Educational and Psychological Consultation*. 17: 55 - 77.
- Azmil Hashim & Misnan Jemali. (2015). *Kajian Mengenai Hubungan antara Teknik Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan al-Qur'an Para Pelajar*. Jurnal Perspektif 6(2): 15-25.
- Boerema, A. J. (2006). An analysis of private school mission statements. *Peabody Journal of Education*. 81(1), 180–202.
- Bovalino, J. W. (2007). The role of the principal in the change process: The road to inclusion. (Unpublished doctoral thesis, Faculty of Education, University of Pittsburgh, PA).
- Brayson J. S. (2011). *Strategic Planning for Public and Non-Profit Organizations: A Guide to Strengthening and Sustaining Organizational Achievement* (4th ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Carr, D. K., Hard, K. J., & Trahan, W. J. (1996). *Managing the Change Process*. New York, NY: McGraw-Hill.
- Donald Ary, Lucy Cheser Jacobs, Chris Sorensen (2010). *Introduction to Research in Education Eighth Edition*. Canada: Wadsworth.
- Fullan, M. (2010). *All systems go: The change imperative for whole system reform*. CA: Corwin Press.
- Hamid Hasan (2009). *Evaluasi Kurikulum*. cetakan kedua. Bandung: Remaja Rosdakrya
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2003). *Sambutan 35 Tahun JAKIM: Penjana Umat Bertaqwa dan Progresif*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.
- Juwairiah Hassan. (2018). Kepentingan Etika Tilawah Al-Quran Dan Kesannya Terhadap Bacaan Al-Quran. *Jurnal Al-Ulwan*. 3(1): 132-145.
- Kamarul Azmi (2012). *Sekolah Agama Di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2015). *Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz*. KPM.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2010). *Hala Tuju Pengajian Islam di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM
- Micheal Fullen & Suzanne M. Stiegelbauer (1991). *The New Meaning of Educational Change*. Ontario for Studies in Education.
- Mohd Zaidu Mohd Zin, Nurfarihatul, Rohaya. (2018). Kepentingan Amalan Religiositi dalam Pembangunan Profesional. *Borneo International Journal*. 1(1); 2018; 20-26.
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Othman & Mohd. Isha Awang. (2019). Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Practitioner Research*. 1: 289-316.
- Noor Hisham Md Naw, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yacob & Nasrul Hakim Salleh. (2014). Matlamat dan Hala Tuju Sistem Pengajian Tahfiz di

- Kelantan; Satu Pengamatan Awal, 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education di Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan pada 31 Mei - 2 Jun 2014.
- Norsuhadah Maskan (2013). Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (Pbs) Bagi mata Pelajaran Sains Di Sekolah Kebangsaandaerah Pontian, Johor. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Sidhu, J. (2003). Mission Statements: Is it time to shelve them? *European Management Journal*. 21(4): 439–446.
- Solahuddin Ismail (2015). Pembangunan dan Perubahan Pendidikan Islam di Malaysia: Satu Kajian Kes di Kedah, 1800M-2012M. Tesis Doktor Falsafah, Tidak diterbitkan, Bangi Universiti Kebangsaan Malaysia
- Solahudin Ismai (2016). Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran. Simposium Antarabangsa Tahfiz sempena Sambutan 50 Tahun Jubli Emas Darul Quran anjuran Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi Selangor pada 23-24 November 2016.
- Stemler, S. E., Bebell, D., & Sonnabend, L. A. (2011). Using school mission statements for reflection and research. *Education Administration Quarterly*. 47(2): 383–420.
- Watkins, S. G., & McCaw, D. S. (2007). Analysis of graduate students' knowledge of school district mission, vision, and core values. *National Forum of Educational Administration and Supervision Journal*. 24(3): 71–91.

BIODATA PENULIS UTAMA

Zetty Nurzuliana Rashed (Phd)
Jabatan Asas Kemanusiaan dan Perkaedahan
Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.